



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1989

ELAUN KHAS DEBU BAGI PEKERJA-PEKERJA DI KUARI PECAH BATU

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan mengumumkan keputusan Kerajaan untuk mewujudkan Elaun Khas Debu tidak berpencen kepada pekerja-pekerja yang terlibat secara langsung dengan debu di kuari-kuari pecah batu.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah bersetuju meluluskan Elaun Khas Debu kepada pekerja-pekerja kuari yang terdedah secara langsung kepada debu. Elaun ini adalah diluluskan sebagai imbuhan kepada pekerja-pekerja tersebut yang menghadapi keadaan kerja yang sangat menyulitkan dari segi kesihatan semasa bertugas. Bagi maksud pembayaran Elaun Khas debu ini, hanya pekerja-pekerja kuari yang terdedah secara langsung kepada debu sahaja layak menerima, iaitu, mereka yang bekerja di kawasan mesin atau loji pecah batu. Mereka yang bekerja di kawasan pejabat atau dalam pejabat atau sekali-sekala melawat kawasan mesin atau loji pecah batu adalah tidak layak menerima elaun ini.

3. KADAR ELAUN

3.1 Seseorang pegawai atau kakitangan Kerajaan yang bekerja di kuari-kuari pecah batu Kerajaan dan terdedah secara langsung kepada debu seperti dijelaskan di perenggan 2 di atas adalah layak dibayar Elaun Khas Debu atas kadar \$30.00 sebulan.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Mei 1989.

5. AM

5.1 Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Pengurusan Badan Berkanun adalah bertanggungjawab melaksanakan keputusan di atas dan sekiranya ada sebarang keraguan, penjelasan lanjut bolehlah diminta daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.



(DATUK	ZAHARI	A.	RASHID)		
Pemangku	Timbalan	Ketua	Pengarah	Perkhidmatan	Awam,
b.p.	Ketua		Pengarah	Perkhidmatan	Awam,
Malaysia					

Tarikh: 5 Ogos, 1989.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

s.k.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.